



WAWANCARA EKSKLUSIF

TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Lembaran tahun 2011 dibuka dengan satu peristiwa yang cukup bersejarah apabila Lembaga Pengurusan Universiti bersetuju menganugerahkan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Kejuruteraan kepada Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Ijazah Kehormat Ulung Doktor Sains kepada isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali. Dengan penganugerahan itu juga, sidang redaksi My UniMAP berpeluang untuk menemubual kedua-dua tokoh berkenaan di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya. Ikuti temubual berikut yang berkisar kepada aspek pendidikan, bahasa dan hala tuju Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia.

Terlebih dahulu MyUniMAP mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian Tun untuk bertemu dengan pihak UniMAP dan kami mengucapkan tahniah di atas penganugerahan yang diterima. Sebagaimana Tun sedia maklum, UniMAP merupakan sebuah IPTA yang kampusnya masih berkonsep bertaburan memandangkan kampus tetap masih dalam proses pembinaan. Apa pandangan Tun mengenai konsep ini?

Di Perlis, sebagai sebuah negeri yang kecil, tidak menjadi masalah untuk melaksanakan konsep bertaburan. Ini kerana, perjalanan antara satu lokasi ke satu lokasi amat cepat dan mudah, tetapi kalau di Kuala Lumpur memang agak sukar, perjalanan 10 minit boleh jadi menjadi satu jam, dan ini merugikan masa terutama pelajar.

Saya sedar tentang kekangan kewangan sekarang ini yang sedikit sebanyak menjelaskan proses pembangunan Negara termasuk pembangunan institusi pengajian tinggi. Baru-baru ini saya ada melawat cawangan Nottingham University di Semenyih. Saya amat tertarik dengan konsep universiti tersebut yang hanya membabitkan kos RM100 juta untuk keseluruhan bangunannya. Dan kos ini termasuk dengan hiasan lanskap. Mungkin kita patut mencontohi kaedah penggunaan peruntukan kewangannya yang nampak sedikit tetapi dapat memberikan kemudahan dan keselesaan kepada pelajarnya.

UniMAP merupakan satu daripada empat universiti teknikal yang ditubuhkan berdasarkan konsep fachhochschule di Jerman iaitu menekankan aspek praktikal tanpa mengabaikan teoritikal, dan sekarang 10 tahun telah berlalu, apakah yang Tun dapat lihat mengenai perkembangan penghasilan graduan terutama dalam bidang kejuruteraan di Malaysia pada masa ini?

Saya melihat satu perkembangan yang besar. Malaysia telah berjaya melahirkan bilangan pelajar kejuruteraan yang ramai daripada dahulu terutama sekali Melayu. Kita kini telah memiliki kuantiti jurutera yang ramai, maka langkah seterusnya ialah untuk melihat kepada aspek kualiti. Terlalu banyak pengukuran yang digunakan untuk melihat aspek kualiti ini, tetapi pada saya, kualiti itu bergantung kepada kebolehpasaran dan penerimaan

industri terhadap graduan yang dilahirkan.

Bagaimana pula Tun melihat penubuhan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) membantu dalam melahirkan kuantiti jurutera yang ramai ini?

MTUN tertubuh hasil memorandum Jemaah Menteri yang telah dikemukakan oleh Menteri Pendidikan ketika itu iaitu Tan Sri Musa Mohamad. Jemaah Menteri ketika itu telah bersetuju dengan cadangan penubuhan IPTA baru yang berdasarkan kepada pengajian teknikal dan kejuruteraan di beberapa buah negeri dan salah satu darinya di negeri Perlis. Pada ketika itu, hanya Universiti Sains Malaysia yang menawarkan program kejuruteraan di Utara Semenanjung Malaysia. Uniknya, keempat-empat universiti ini menggunakan kurikulum universiti teknikal dari negara maju seperti Jerman dan Perancis yang mana penanda aras serta pendekatan dan pencapaian universiti teknikal di negara berkenaan dilaksanakan khusus untuk melahirkan tenaga mahir negara.

Jika kita lihat, pada suatu masa dahulu, generasi muda yang ingin meningkatkan taraf pendidikan masing-masing mencari jalan yang mudah untuk mendapatkan segulung ijazah yang mana kebanyakan daripada mereka memilih aliran sastera. Tetapi kini, dengan adanya MTUN yang menekankan konsep teori dan praktikal, trend ini telah berubah dan ia yang menyumbang penuh kepada peningkatan kuantiti graduan kejuruteraan. Kalau teori dan diikuti dengan praktikal adalah lebih mudah untuk pelajar

faham daripada kita hanya menekankan teori tetapi pelajar kemudiannya kena bayangkan pula apa yang telah diajar tadi. "We can understand better when we have the experience"

Jadinya, sekarang ini kita telah menghasilkan kuantiti graduan, bagaimana pula agaknya dengan kualiti?

Kualiti bergantung kepada penerimaan, kalau graduan kita senang diterima industri, maka kualiti itu ada. Lagi satu pengukur kepada kualiti ialah bilangan penyelidikan, dan penerbitan. Apabila kita mempunyai banyak tenaga pengajar, penyebarluasan yang membawa penyelidikan, menghasilkan penerbitan, mengkomersialkan produk maka ia akan meningkatkan kualiti institusi berkaitan.



MANTAN PERDANA MENTERI MALAYSIA KE - 4

Alhamdulillah, kalau itu pengukurannya, maknanya UniMAP mempunyai kualiti. Graduan UniMAP sememangnya diterima industri termasuk syarikat multinasional dan penyelidik juga berjaya dengan cemerlang. Tetapi apa pula pandangan Tun mengenai kualiti THES - Time Higher Education World University Ranking?

Kita ada pelbagai jenis orang, jadi setiap orang mempunyai tafsiran dan pandangan tersendiri tentang kualiti dan pengiktirafan. Bagi saya, ia bukanlah kriteria yang paling utama. Kriteria saya amat jelas - kalau graduan itu diterima oleh industri maka jelas ia berkualiti. Kita tidak perlu melahirkan graduan kalau akhirnya tidak bekerja. Setiap universiti dan institusi pendidikan ingin disenaraikan di dalam ranking tertentu jadi untuk itu mereka perlu ada niche area dan perlu cemerlang di dalam bidang pengkhususan berkenaan agar keistimewaan itu dapat dilihat oleh para pelajar yang mencari-cari peluang untuk memasuki institusi pengajian tinggi.

Jika kita melihat kepada kedudukan universiti yang tersenarai di dalam THES, kita masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan universiti-universiti negara jiran, contohnya National University Of Singapore (NUS) yang berjaya menempatkan diri dalam kedudukan yang agak baik. Apa pandangan Tun mengenai hal ini?

Agenda kita (dalam pendidikan) adalah berbeza jika dibandingkan dengan NUS. Kita ada keperluan untuk menyeimbangkan kedudukan kaum. Kita bukan sahaja ingin memilih pelajar yang terbaik tetapi kita juga mengambil kira pelajar yang berpotensi dalam pemilihan. Kita masih perlu mengikut agenda nasional berbanding NUS yang tiada dasar-dasar sebegini. Mereka inginkan hanya yang terbaik, jadi mereka akan memilih yang terbaik berdasarkan sistem meritokrasi. Selain itu, mereka ada kelebihan kerana menggunakan medium bahasa Inggeris dalam hal ehwal akademik. Kita pula sebaliknya, kita masih menggunakan medium bahasa Melayu dan ini sesuai yang agak sukar. Apa yang lebih penting? Mempromosikan bahasa Melayu dalam setiap mata pelajaran atau mewujudkan generasi yang mampu menguasai penemuan terkini sains dan teknologi? Bagi saya, kita memang perlu menyanjungi bahasa sendiri, tetapi dalam aspek sains dan teknologi, kita perlu memikirkan pendekatan yang berbeza dalam menguasai penemuan sains terkini dan teknologi terbaru yang berubah setiap hari agar kita tidak ketinggalan berbanding

Negara lain. Jika kita menunggu perkara itu diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu, maka kita akan ketinggalan jauh di belakang. Kita akan mendapat pemahaman langsung tentang penemuan terbaru itu tanpa mengambil masa yang lama jika kita menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek berkaitan sains dan teknologi. Inilah pengorbanan yang perlu kita lakukan dalam memastikan kemajuan institusi pendidikan untuk bersaing dengan Negara luar. Saya tidak bermaksud untuk memartabatkan bahasa Inggeris, tetapi apabila seseorang itu berjaya memguasai dan memahami sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris maka amat mudah untuk mereka menterjemahkannya semula ke dalam Bahasa Melayu pada masa depan kerana tiga kriteria penting seseorang penterjemah ialah menguasai bahasa Inggeris, menguasai bahasa Melayu dan memahami subjek yang dipelajarinya. Itulah yang dilakukan oleh Jepun, mereka mempelajari perkara baru di dalam Bahasa Inggeris, dan apabila sudah mahir mereka menterjemahkannya ke dalam bahasa Jepun malah menambahbaik lagi perkara yang dipelajarinya itu.

Tun merupakan seorang yang fasih dalam dua-dua bahasa, mungkin boleh berkongsi sedikit pandangan dengan kami bagaimana Tun menguasai Bahasa Inggeris.

Rumusannya mudah sahaja - anda perlu bekerja keras, belajar dan meraih pelbagai ilmu dan meningkatkan usaha anda. Saya gemar membaca, dan kebanyakannya buku berbahasa Inggeris. Apabila saya belajar (bahasa Inggeris) dahulu, ia bukannya di sekolah tetapi melalui pembacaan. Minda saya penuh dengan ayat-ayat yang digunakan dalam penulisan buku tersebut, Itulah caranya kita mempelajari bahasa Inggeris. Apabila kita gemar membaca, ia akan mendorong pula kepada penulisan, maka atas sebab itu saya menghasilkan buku. Saya selesa menulis dalam bahasa Inggeris. Petua saya mudah sahaja, apabila menulis kita jangan gunakan perkataan yang bombastic yang akhirnya orang tidak akan faham maksud yang ingin disampaikan. Sebaliknya gunakan perkataan yang mudah agar perkara yang dimaksudkan difahami golongan pembaca.

Jikalau kita boleh mengundurkan kembali masa, apa agaknya yang ingin Tun lakukan?

Dalam konteks saya, saya merasakan saya gagal mengubah mentaliti masyarakat terutama melayu. Mereka masih terlalu mengharapkan bantuan, misalnya dulu, kita beri bermacam-macam keistimewaan, tetapi tidak digunakan sepenuhnya. Sepatutnya,

kalau kerajaan (kita) memberi sesuatu, manfaatkan ia dengan cara yang betul, barulah kita boleh berubah menjadi bangsa yang maju dan berjaya. Sebagai contoh Negara Jepun. Ia amat mementingkan sesuatu yang terbaik. Sifat malu dalam konteks masyarakat Jepun ialah gagal. Maka mereka akan mengatasi sifat malu itu dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya. Kejayaan kita bukanlah disebabkan kita ini Melayu, Cina atau India, tetapi kita berjaya jika kita menekankan nilai-nilai murni. Kita jangan mengamalkan rasuh jangan pecah amanah sebab ia akan memberi kesan kepada hidup kita keseluruhannya. Kita juga perlu mencontohi dan menghargai kerajinan dan kebaikan masyarakat lain, baru kita akan berjaya.

Berdasarkan penjelasan Tun, adalah menjadi amanah untuk kami (universiti) mengubah mentaliti ini, selain membimbing generasi muda ke landasan yang betul. Adakah Tun bersetuju?

Ramai orang berfikir, kita bekerja untuk mendapat upah, tetapi sebenarnya apa yang lebih penting, maruah dalam bekerja itu yang lebih utama. Kepuasan bekerja akan membawa kepada hasil yang memuaskan. Jadi adalah penting untuk kita menukar pemikiran itu, dan memberi pemahaman bahawa wang bukanlah segala-galanya. Dari dulu lagi, kita terlalu banyak memberi, sepatutnya hasil (pulangan) kepada Negara juga mesti berkadar dengan jumlah yang diberikan, tetapi sebaliknya berlaku. Hasil itu ada tetapi ia tidak begitu efisen. Jadi adalah menjadi tanggungjawab semua pihak menyedarkan masyarakat untuk mengubah mentaliti ini.

Sebagai soalan terakhir, selain daripada bekerja apa sebenarnya yang Tun gemar lakukan?

Saya sebenarnya lebih sibuk sekarang berbanding semasa menjadi Perdana Menteri. Namun di dalam kesibukan itu saya suka menulis - menulis buku, menulis blog - ia memberikan saya satu kepuasan. Selain itu, seperti mana yang saya katakan tadi, saya suka membaca. Terutama berkaitan sejarah, kerana sejarah itu penting untuk kita mempelajari nilai dan maruah bangsa dan Negara.

MyUniMAP merakamkan ucapan terima kasih kepada Tun berdua dan berdoa semoga Tun akan sentiasa di limpahi rahmat dan sihat sejahtera. Semoga Tun berdua akan terus memberikan sumbangan bakti demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan Negara Malaysia tercinta.